

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci peranan, tugas-tugas dan portfolio pelantikan YB Marang sebagai Duta Khas YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah Bertaraf Menteri. Nyatakan pencapaian beliau sebagai Duta Khas Timur Tengah semenjak penjawatan pada 2 April 2020.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas Duta Khas YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah adalah untuk membantu dan menasihati YAB Perdana Menteri dalam isu-isu Timur Tengah dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan kepentingan Malaysia di rantau tersebut. Ia meliputi dalam bidang agama Islam, Pendidikan, Perdagangan dan Pelaburan.
2. Sejak dilantik, Yang Berhormat Duta Khas telah melakukan gerak kerja meneroka peluang-peluang untuk Malaysia memanfaatkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Timur Tengah. YB Duta Khas telah mengadakan perbincangan dengan YB Menteri Luar dan agensi-agensi berkaitan. Selain itu, Yang Berhormat Duta Khas juga telah mengadakan perjumpaan dan menerima kunjungan hormat Duta-Duta negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Yaman, Qatar, Iran, Oman, Afghanistan, Syria dan Bahrain dan mendapat maklum balas langsung dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala melibatkan kerjasama agama Islam, politik, ekonomi, pelaburan dan pendidikan.
3. Hasil kerja dan laporan oleh Duta Khas ini dilaporkan terus kepada YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.